

Prinsip-Prinsip Pembangunan Insaniah dalam Perkembangan dan Pendidikan Kanak-kanak

Insaniah (Humanistic) Principles in Child Development and Education

Shahnun binti Haji Musa

(Corresponding Author) Department of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia, e-mail: shahnunmusa70@gmail.com

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang kepentingan pembangunan insaniah kanak-kanak di dalam perkembangan, pendidikan dan kehidupan mereka. Berdasarkan kajian literatur, perkembangan dan pendidikan kanak-kanak tertumpu kepada dua elemen utama iaitu elemen spiritual dan fizikal yang perlu dibangunkan secara seimbang dan menyeluruh agar memenuhi keperluan semula jadi dan tuntutan semasa kehidupan mereka, supaya mereka boleh menjalani kehidupan yang sejahtera dan memiliki jati diri leluhur. Kajian memberi tumpuan khusus terhadap pembangunan insaniah kanak-kanak dalam usaha membina kemampuan mereka memahami dan melaksanakan fungsi mereka sebagai hamba dan khalifah. Kajian dilakukan secara kualitatif dengan data kajian yang diperolehi secara dokumentasi dibincangkan bersama dengan huraian ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan. Penulis mengemukakan prinsip-prinsip pembangunan insaniah sebagai panduan kepada ibu bapa dan semua pihak yang mengambil berat terhadap pendidikan awal kanak-kanak.

Kata Kunci: Prinsip; Pembangunan insaniah; Perkembangan; Pendidikan Kanak-Kanak

ABSTRACT

This article discusses the importance of children's insaniah (humanistic) development in their growth, education and life. Based on the literature review, children's development and education is focused on two main elements, namely spiritual and physical elements. These elements should be developed in a balanced and comprehensive manner to meet the natural needs and demands of their lives to ensure a full and prosperous life. The study focused specifically on the soft development of children in an effort to build their ability to understand and perform their functions as servants and caliphs. The study was conducted qualitatively with the research data obtained through document analysis along with the description of the relevant verses from the Quran and Hadith. Finally, the author presents the

principles of insaniah (humanistic) development as a guide to parents and all parties concerned about children's early education.

Keywords: *Principles; Insaniah Development; Development; Childhood Education*

1. Pendahuluan

Pendidikan merupakan satu wahana penting dalam membina paradigma mandiri setiap individu dan juga wadah utama untuk melahirkan insan berpengetahuan, berbakti dan bersyukur. Pendidikan dengan pelbagai konotasi makna *tarbiyah, ta'alim, ta'adib, tadrīs, tahzīb atau irsyad* bukan sahaja membawa erti pengajaran atau perpindahan ilmu semata-mata tetapi juga membina pemahaman ilmu, pembinaan sahsiah, pembentukan kemahiran dan penerapan nilai. Pendidikan sewajarnya menghasilkan insan yang mampu melaksana dan memanipulasikan ilmu yang dipelajari dan memanfaatkan kemahiran yang diperolehi untuk pelaksanaan peranan manusiawi di dalam kehidupan untuk diri sendiri dan masyarakat. (Badiwi, Y. & Muhammad, M., 2003)

Dalam konteks kanak-kanak, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses yang memberi kesan berpanjangan dan berterusan selaras dengan perkembangan diri mereka. Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi, akan mempengaruhi perjalanan kehidupan sehariannya di ketika itu ataupun sebagai persediaan untuk kehidupannya pada masa akan datang (Awatif, S & et.al, 2012). Menurut (Mustard, 2009), perkembangan kanak-kanak merupakan bahagian perkembangan yang paling penting di dalam kehidupan seseorang individu, corak pemikiran kanak-kanak mula terbentuk pada usia setahun melalui interaksi antara genetik dan pengaruh persekitaran mereka. Bagi membantu perkembangan yang sihat, adalah sangat penting untuk memahami keperluan mereka termasuklah keadaan persekitaran mereka (Shonkoff, J.P., & et.al., 2007). Selain itu peranan pengasuh juga amat penting untuk membina perkembangan luaran dan dalaman kanak-kanak. (Mello, D.F., Henrique, Panceiri, L., Verrisimo, M., Tonete, V & Malone, M., 2014)

Perkembangan merupakan perubahan pada struktur, pendapat dan tingkah laku individu. Ia terhasil daripada fungsi biologi, faktor pemakanan dan pengaruh alam sekitar. Perkembangan juga merupakan perubahan yang bersifat kualitatif dan dapat dilihat dengan membandingkan sifat yang terdahulu dengan sifat yang terbentuk. Dengan kata lain, perkembangan boleh juga dianggap sebagai proses di mana individu itu mencapai kematangan, pengukuhan dan kestabilan. Menurut Crow & Crow (Crow, A. & Crow, L.D., 1983), perkembangan merupakan perubahan secara kualitatif serta cenderung ke arah lebih baik dari segi pemikiran, rohani, moral dan

sosial. Manakala menurut Laura, perkembangan adalah dihasilkan daripada tindakan yang saling berkaitan di antara perkembangan jasmani dan pembelajaran (Laura, 2015).

Kanak-kanak sangat memerlukan bimbingan dan bantuan sepanjang proses perkembangan kerana kemampuan diri mereka yang sangat terbatas, baik dari segi kemampuan fizikal, akal mahupun emosi. Setiap sektor yang terlibat di dalam kehidupan mereka mempunyai peranan yang sangat penting dalam membantu perkembangan mereka secara positif untuk memahami keperluan dan kepentingan diri, keluarga, persekitaran dan masyarakat sekitar mereka (Abu Hatob, 2003). Mereka sewajarnya didedahkan dengan peranan dan tugas sebagai seorang insan secara individual dan sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat.

Terdapat pelbagai perspektif dalam menjangka dan membincangkan perkembangan kanak-kanak, berdasarkan sudut pandang yang berbeza mengikut pemahaman fenomena perkembangan yang berlaku (Rosalyn, H. Shute & Philip T. Slee., 2015). Perspektif teori perkembangan termasuklah perspektif biologi (Arnold Gesell, 1880-1961), (John Bolwby, 1907-1991), perspektif sepanjang hayat (Paul Baltes, 1939-2006), perspektif bioekologi (Urie Bronfenbrenner, 1917-2005), perspektif kognitif (1896-1980) dan perspektif sosiobudaya (Lev Vygostky, 1896-1934).

Menurut perbincangan ahli psikologi perkembangan (Shonkoff, J.P., & et.al., 2007), dua perkara yang mendorong masyarakat mutakhir ini membincangkan tentang keseimbangan antara perkembangan individual dan tanggungjawab terhadap asas yang kukuh kepada kanak-kanak. Perkara pertama ialah ledakan kajian berkaitan neurobiologi yang menjelaskan bahawa interaksi antara genetik dan pengalaman awal boleh membentuk corak pemikiran. Kedua, peningkatan kos rawatan, pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak kerana golongan masyarakat yang terlalu teruja untuk melahirkan kanak-kanak yang dilengkapi dengan pelbagai ilmu dan kemahiran untuk menghadapi persaingan ekonomi global.

Sebagai sebuah negara yang mengambil berat terhadap hak dan pendidikan awal kanak-kanak, Malaysia juga telah menyediakan garis panduan, dasar dan kurikulum untuk membantu membina perkembangan kanak-kanak. Melalui Kurikulum PERMATA, anak-anak diasuh dengan matlamat melahirkan kanak-kanak yang holistik dan seimbang; mempunyai akhlak dan sahsiah yang mulia, berintelektual tinggi, mahir berkomunikasi, dalam kedua-dua bahasa (Bahasa Malaysia dan Inggeris), bijak bergaul, sihat dan kreatif. Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan Pedagogi Sosial (*The Social Pedagogy Approach*, John Bennett (2004) dan Pendekatan Taman Asuhan Kanak-kanak (*The Infant School Approach*, Robert Owen (1816), (PERMATA, 2013). Namun kurikulum dan pendekatan yang diperkenalkan melalui program ini perlu diberi penambahbaikan bagi mencapai hasrat melahirkan kanak-kanak holistik berdasarkan fitrah mereka.

Walaupun kurikulum ini disusun untuk pembinaan enam domain perkembangan kanak-kanak, namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi penilaian semula keberkesanannya untuk perkembangan insaniah kanak-kanak.

Objektif penulisan artikel ini adalah mengenal pasti prinsip-prinsip pembangunan insaniah kanak-kanak yang boleh dijadikan teras amalan pengasuhan dan pendidikan untuk perkembangan mereka. Prinsip-prinsip tersebut akan diperjelaskan berdasarkan nas-nas al-Quran dan Hadis. Berdasarkan prinsip-prinsip ini, gambaran berkenaan falsafah, dasar dan matlamat, kurikulum dan pendekatan pendidikan Islam akan dapat dilihat dengan lebih jelas. Hasil pembentangan artikel diharap boleh menjadi garis panduan kepada ibu bapa, pengasuh, pendidik, pengurus pusat pendidikan awal kanak-kanak dan masyarakat umum.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan secara kualitatif, dan pengumpulan data kajian ini adalah merujuk dokumentasi berbentuk buku, artikel, rencana dan seumpamanya yang boleh memberikan maklumat kualitatif yang diperlukan. Kajian ini bertujuan mengemukakan prinsip-prinsip pembangunan insaniah kanak-kanak dengan menitik beratkan perkembangan fungsi kemanusiaan berbanding fungsi kewujudan mereka sebagai manusia. Perbincangan prinsip-prinsip tersebut juga dilakukan dengan mengemukakan nas-nas al-Quran dan Hadis. Dapatan kajian artikel ini akan dapat menjelaskan maklumat berkaitan prinsip-prinsip pembangunan insaniah yang perlu menjadi teras kepada bidang pendidikan dan perkembangan kanak-kanak.

3. Dapatan Kajian

Perkembangan kanak-kanak mengikut perspektif Islam terbahagi kepada dua dimensi iaitu perkembangan sebelum kelahiran dan perkembangan selepas kelahiran. Sementara perkembangan selepas lahir pula terdiri daripada dua tahap, iaitu tahap pertama; kelemahan insan dan tahap kedua; kekuatan insan (Abu Hatob, 2003). Pada tahap pertama, kanak-kanak perlukan perhatian dan bimbingan sebaik-baiknya kerana perolehan pada tahap ini akan mempengaruhi perkembangan tahap kedua dan seluruh kehidupan kanak-kanak.

Pelbagai pendekatan boleh dilaksanakan bagi membimbing perkembangan kanak-kanak berdasarkan aliran pemikiran, perspektif dan falsafah pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak. Walaubagaimanapun, dari perspektif Islam, perkembangan kanak-kanak wajar diasuh dan dididik dengan memberi penekanan terhadap pembangunan insaniah mereka. Pembangunan perkembangan mereka terdiri daripada elemen spiritual dan

fizikal wajar dilaksanakan sebaik-baiknya sehingga mereka memahami fungsi sebagai hamba dan khalifah. Proses pembangunan insaniah ini hendaklah berdasarkan beberapa prinsip.

Prinsip-prinsip pembangunan insaniah kanak-kanak termasuklah; berdasarkan fitrah, seimbang dan menyeluruh, berteraskan tauhid, manhaj rabbani, bermatlamatkan *mardhatillah*, ibu bapa soleh dan persekitaran sejahtera.

4. Perbincangan

Penjelasan tentang pengertian manusia berbeza mengikut pandangan ahli falsafah, psikologi dan ekonomi. Mereka memberi pengertian yang berbeza berdasarkan perspektif potensi yang ada pada manusia. Manusia pada pandangan ahli falsafah dan pemikir Barat adalah sebagai haiwan sosial. Perbezaannya, manusia lebih bijak dan mempunyai tingkah laku yang kompleks berbanding haiwan (Noordin, 2009). Manusia adalah makhluk yang lahir dari spesies haiwan tetapi dianggap “haiwan rasional” dan “haiwan ekonomi” kerana mereka mempunyai potensi untuk berfikir dan mempunyai sistem (Sulaiman S, 1997).

Sementara mengikut perspektif Islam, hakikat manusia ini bertentangan sekali dengan pandangan mereka. Melalui penjelasan oleh Allah SWT di dalam ayat-ayat al-Quran penggunaan perkataan yang berbeza terhadap manusia dengan memberi penjelasan potensi manusia yang pelbagai. Di dalam al-Quran, manusia disebut dengan *perkataan al-ins, al-nas, al-insan, al-basyar dan bani Adam*. Sebagaimana yang dibincangkan oleh Rohana (2010), bahawa penggunaan perkataan yang berbeza ini memberi maksud potensi manusia yang berlainan serta memberi impak pendekatan pembangunan dan pendidikan yang berbeza.

Perkataan *bani Adam* adalah melambangkan asal keturunan manusia yang bermula daripada Nabi Adam A.S. Perkataan *al-basyar* pula memberi maksud seluruh manusia adalah mempunyai persamaan dari segi lahiriah dan keperluan-keperluan biologi seperti makan, tidur, kasih sayang dan lain-lain. Manakala perkataan *al-ins, al-nas dan al-insan* adalah terkandung di dalam satu pengertian iaitu sekelompok makhluk sosial yang bersifat dinamik, mempunyai akal serta kemampuan berfikir menjadikan manusia berbeza dan lebih istimewa berbanding makhluk ciptaan selainnya. Difahami daripada ketiga-tiga perkataan ini bahawa manusia merupakan makhluk yang mampu memikul tanggung jawab melalui ciri-ciri keistimewaan mereka yang dinamik dan mampu menggunakan akal dalam mengurus kehidupan.

Justeru, perkataan insaniah mempunyai kaitan dengan makna dan ciri-ciri insan iaitu manusiawi atau bersifat kemanusiaan. Insaniah merujuk kepada ciri-ciri hidup yang lebih mulia, abadi dan sehati dengan sifat dan unsur kemanusiaan (Dewan, 1998). Mengikut Khalid (2006), perkataan

insaniah berasal daripada kata akar ‘insan’ yang bererti hidupan yang berfikir, secara semula jadi membesar dan berkembang. Sementara insaniah ialah sifat-sifat keistimewaan atau keunikan yang membezakan manusia dengan hidupan selainnya. Keistimewaan manusia dengan anugerah akal supaya mereka boleh melaksanakan peranan sebagai hamba dan khalifah. Menurut Qutb (2004), manusia adalah insan, bukan haiwan dan insaniah adalah potensi manusia untuk melaksanakan fungsi sebagai hamba dan khalifah.

Manusia dalam pengertian insaniah terdiri daripada dua elemen iaitu elemen spiritual dan elemen fizikal. Elemen spiritual yang terdiri daripada roh, hati, akal dan nafsu. Keempat-empat unsur ini saling berkaitan dan mempengaruhi antara satu sama lain. Manakala elemen fizikal terdiri dari tujuh anggota iaitu telinga, mata, lidah, perut, kemaluan, tangan dan kaki. Unsur dari elemen spiritual ini juga akan mempengaruhi tingkah laku atau unsur-unsur pada elemen fizikal. Potensi, kehidupan dan sahsiah insaniah adalah berdasarkan kedua-dua elemen tersebut (Abbas, 2016).

Berdasarkan penjelasan di atas, seluruh potensi yang ada di dalam kehidupan manusia adalah dengan tujuan mencapai keredaan Allah SWT.

Dengan merujuk kepada ayat 162, Surah al-Baqarah yang bermaksud: 162. “Katakanlah: sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam”.

Matlamat kewujudan manusia sebagai hamba Allah, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.” (Az-Zariyat 51:56)

Melalui ayat ini boleh difahami bahawa manusia dijadikan untuk mengenal Allah SWT serta beriman kepada-Nya, patuh kepada segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya (al-Maraghi, 1984). Begitu juga dengan penjelasan al-Zuhayli (1998), bahawa tujuan kewujudan insan adalah untuk melaksanakan ibadah kepada Allah, wajib mengingati-Nya. Beriman serta melakukan amalan bukan kerana Allah adalah sia-sia dan merugikan. Tujuan ibadah adalah untuk mengagung dan menghargai ciptaan Allah SWT yang bermaksud:

“Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.” (al-Mulk, 67:2)

Melalui ayat ini, al-Zuhayli (1998) menjelaskan bahawa sejak azali lagi Allah telah menentukan adanya kematian dan kehidupan. Allah juga menjadikan manusia sebagai makhluk yang berakal supaya mereka memahami taklif dan perlaksanaannya, juga supaya mereka berusaha untuk mengerjakan amalan yang merupakan ujian buat mereka justeru mereka akan diberi balasan setimpal. Ujian ini juga untuk mereka mengetahui siapakah yang paling taat, paling ikhlas dan paling baik amalannya. Tujuan utama kehidupan untuk diuji adalah sebagai suatu galakan kepada manusia untuk melakukan ketaatan kepada Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya serta membentuk kehidupan yang terbaik.

Kewujudan manusia sebagai khalifah pula merujuk kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.....” (Al-Baqarah 2;30)

Mengikut huraian al-Zuhayli (1998), pemilihan manusia sebagai khalifah Allah adalah sebagai tanda penghargaan yang dikurniakan kepada manusia, kerana anugerah akal yang ada pada mereka. Manakala al-Maraghi (1984) pula menegaskan bahawa, ayat ini berkaitan kejadian manusia dalam dua keadaan iaitu dalam situasi maksiat dan kufur kepada Allah atau sebaliknya dalam situasi beriman dan taat kepada-Nya. Manusia dikurniakan akal, ilmu dan kebolehan mentadbir, yang mana dengan kurniaan tersebut wajib kepada manusia bersyukur dengan melaksanakan ketaatan serta menjauhi kekufuran. Ia merupakan satu bentuk insaniah anugerah Allah SWT. Untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai ciptaan terbaik Allah SWT, setiap insan perlu mendapat pengetahuan dan pendidikan yang sewajarnya.

Mereka juga perlu memahami tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin atau khalifah yang patut dilaksanakan dengan amalan yang baik. Sebagaimana penjelasan di dalam ayat yang bermaksud:

“Kemudian Kami jadikan kamu pengganti-pengganti (mereka) di muka bumi sesudah mereka, supaya Kami memperhatikan bagaimana kamu berbuat.” (Yunus 10;14)

Menurut perbincangan al-Zuhayli (1998), bahawa umat Islam dipertanggungjawabkan sebagai khalifah melalui pelaksanaan ketaatan kepada Allah dan berpandukan al-Quran. Penjelasan ayat ini di huraikan bersama ayat dari Surah al-Nur 24;55 iaitu, pelaksanaan tanggungjawab khilafah adalah berteraskan amal soleh. Pertanggungjawaban manusia sebagai khalifah juga bertujuan menguji manusia adakah mereka lebih baik daripada umat terdahulu atau sebaliknya.

Jelas daripada ayat-ayat di atas tentang tugas dan fungsi utama kewujudan manusia, iaitu sebagai hamba dan khalifah. Oleh itu sangat penting manusia diberi bimbingan dan pendidikan yang benar tentang hakikat kewujudan, perkembangan dan kesudahan hidup mereka.

Pembangunan insaniah yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah proses pembentukan dan pembinaan seluruh potensi kanak-kanak sebagai usaha memahami dan melaksanakan peranan sebagai hamba dan khalifah yang baik merangkumi proses pencapaian tahap kesejahteraan diri dan masyarakat. Proses tersebut melalui pendidikan meliputi keseluruhan aspek perkembangan kanak-kanak yang melibatkan dua elemen utama iaitu elemen spiritual dan elemen fizikal. Kedua-dua elemen ini perlu diasuh dan dikembangkan secara bersepadu dan menyeluruh. matlamat pembentukan potensi sendiri dan potensi fungsional berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Melalui pembangunan insaniah kanak-kanak, terbentuk individu yang sejahtera, pemimpin berkarisma dan warga kerja yang berakhlak mulia, akhirnya terbentuk ummah cemerlang dan harmoni.

Prinsip-prinsip pembangunan insaniah kanak-kanak adalah seperti berikut:

4.1 Berdasarkan Fitrah

Perkataan “fitrah” berasal dari kata kerja *fathara* yang bererti “menjadikan”. Secara etimologi fitrah bererti : kejadian, sifat semula jadi, potensi asas, kesucian, ciri-ciri semula jadi manusia. Fitrah bererti tabiat atau watak asli manusia. (Langgulung., 1995)

Manakala dari segi penjelasan fitrah sebagai potensi asas dan ciri-ciri semula jadi manusia boleh dilihat dari pelbagai perspektif berdasarkan dalil-dalil yang berkaitan. Fitrah membawa maksud suci, kosong dan bersih dari sebarang pengetahuan atau pegangan. Kosong yang dimaksudkan bukanlah sebagaimana pandangan ahli falsafah dan pendidikan Barat yang diistilahkan sebagai *tabula rasa* oleh Locke (2018). Iaitu minda manusia dilahirkan kosong dan pengetahuan yang diperolehi adalah secara tersendiri, tanpa sebarang kecenderungan atau potensi tertentu .

Fitrah manusia dilahirkan dalam keadaan bersih, mempunyai kecenderungan kepada agama, kecenderungan kepada kebenaran, kesediaan untuk belajar, kesediaan untuk menerima atau dipengaruhi, kesediaan menerima tanggungjawab dan mempunyai bakat serta kebolehan tertentu.

Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu pun, dan Dia memberi kepada kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur” (al-Nahl 16:78)

Kefahaman daripada ayat tersebut di atas, sebagaimana penjelasan al-Zuhayli (1998), bahawa fitrah manusia dilahirkan dalam keadaan kosong fikiran mereka daripada sebarang pengetahuan. Mereka disediakan dengan kunci pengetahuan iaitu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, supaya mereka boleh belajar melaluinya dengan mendengar, melihat serta menaakul. Kejadian sedemikian supaya manusia bersyukur dengan nikmat yang Allah kurniakan, menggunakan seluruh anggota badan kerana-Nya, menjadi hamba Tuhannya serta mentaati segala suruhan-Nya. Ayat ini juga sama maksudnya di dalam ayat daripada surah al-Mulk (67:23-24). Daripada kedua-dua ayat ini juga difahami bahawa kanak-kanak mempunyai kesediaan untuk belajar.

Sementara apa yang mereka pelajari adalah bergantung kepada pendedahan, corak pendidikan dan hala tuju kehidupan yang diterima. Pandangan (Hunt, 2006), yang menyatakan bahawa kecerdasan kanak-kanak adalah bersifat elastik dan boleh berkembang dengan ditentukan secara aktif oleh simulasi alam persekitaran. Pandangan ini sangat bertepatan dengan pandangan Islam bahawa kanak-kanak dilahirkan secara fitrah dan berubah mengikut acuan pendidikan ibu bapa dan persekitaran mereka, melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Setiap anak dilahirkan secara fitrah. Kedua orang tuanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi. Sebagaimana contoh haiwan yang dilahirkan oleh haiwan, apakah kalian melihat pada anaknya ada yang terpotong telinganya? (Anaknya lahir dalam keadaan telinganya tidak cacat, namun pemiliknya lah yang kemudian memotong telinganya.)” Hadis riwayat Bukhari. (*Al-Bukhari, t.t*)

Secara fitrah juga kanak-kanak dilahirkan dalam keadaan cenderung kepada agama dan kebenaran. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam ayat 30 Surah ar-Rum yang bermaksud:

Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui, (ar-Rum 30;30)

Ayat ini menjelaskan tentang Allah SWT telah menjadikan hamba mereka secara semula jadi mencari kebenaran, suka kepada kebenaran dan boleh menerimanya. Rasulullah S.A.W. dalam menjelaskan maksud kebaikan, menyebut bahawa “kebaikan adalah sesuatu yang boleh menenangkan hati dan diri merasa tenang dengannya”. Justeru pembangunan insaniah dan pendidikan kanak-kanak hendaklah bersesuaian dengan ciri-ciri dan potensi mereka berdasarkan fitrah kejadian manusia.

4.2 Seimbang dan Menyeluruh

Islam melihat dan menilai manusia secara keseluruhan, justeru pendidikan juga perlu dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh meliputi kedua-dua elemen manusia iaitu elemen spiritual dan fizikal. Sebagaimana Islam mementingkan konsep *wasatiyah* dengan meraikan tabiat manusia dan benda, maka pendidikan juga perlu dilaksanakan secara seimbang. (Abdullah, 2014) Dengan merujuk kepada ayat 134 dari Surah al-Baqarah, berdasarkan penjelasan Qutb S, (2013) bahawa “*Ummatan Wasathan*” adalah satu umat yang adil dari segi kefahaman dan kepercayaan, tidak keterlaluan di dalam persoalan kerohanian dan tidak pula berlebihan di dalam urusan kebendaan mengikut fitrah semula jadi mereka yang diwakili oleh roh dan jasad. Mereka memberikan hak yang sepatutnya kepada dua elemen tersebut dengan sempurna dan bersesuaian dengan keperluan dan tuntutan masing-masing. Mereka berusaha untuk membina perkembangannya dan melestarikan kewujudannya. Mereka mengurus segala kegiatan perasaan dan keinginan secara sederhana, bersesuaian dan tidak keterlaluan.

Pembinaan dan pembangunan insan hendaklah dengan memberi perhatian keseimbangan antara aspek spiritual dan fizikal, kepentingan individual dan kolektif, hubungan erat antara iman dan amal, antara teori dan amali, antara kepentingan akal dan emosi serta untuk kepentingan dunia dan kepentingan akhirat. Penekanan kepada kesepaduan dan menyeluruh di dalam membina perkembangan kanak-kanak boleh di fahami daripada ayat 77 daripada Surah al-Qasas yang bermaksud:

“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu melakukan kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan. (al-Qasas 28:77)

Setiap insan hendaklah menggunakan segala nikmat yang dikurniakan untuk ketaatan dan melaksanakan pelbagai cara mendekati diri dengan Allah SWT untuk mendapatkan ganjaran pahala di dunia dan akhirat. Serta mereka juga perlu mengambil berat terhadap perkara yang menjadi keperluan di dalam kehidupan mereka seperti makanan, minuman, pakaian, pasangan dan tempat tinggal. Manusia juga perlu berlaku baik sesama makhluk, di dalam setiap urusan kehidupan dan menjauhi daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menyebabkan kerosakan. (al-Zuhayli, 1998).

4.3 Berteraskan Tauhid

Membangun insaniah kanak-kanak melalui pengasuhan dan pendidikan yang holistik dengan berteraskan pendidikan tauhid atau keimanan. Sebagaimana bayi dan kanak-kanak diberi perhatian terhadap makanan dan nutrisi untuk pertumbuhan fizikal, begitu juga perhatian yang perlu diberikan untuk spiritual mereka, supaya mereka membesar dan berkembang dengan akidah yang sihat. Pendidikan keimanan akan membina hubungan yang kuat antara anak-anak dengan pencipta mereka iaitu Allah SWT., membentuk jiwa yang merasa kewujudan Allah, mencintai Allah dan rasul-Nya, menghargai alam ciptaan Allah dan memahami hubungan antara hamba dan Tuhannya. Situasi ini seterusnya membina kanak-kanak yang mengerti untuk melakukan suruhan dan menjauhi larangan-Nya, taat melaksanakan ibadah, berakhlak mulia dan mencintai al-Quran, membaca dan menghafaznya (Al-Ajami, 2014). Kepintaran akidah juga akan membimbing kanak-kanak menjadi seorang cerdas akal, emosi dan fizikal. Kanak-kanak yang terbentuk juga menjadi seorang yang mempunyai kestabilan emosi, berjiwa merdeka, kental dan berani. Juga mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara sia-sia, kepercayaan khurafat, yakin dengan rezeki dan usaha, tidak mementingkan diri dan menghargai orang lain.

Di samping itu, pendidikan keimanan bersesuaian dengan fitrah insaniah kanak-kanak, yang dilahirkan dalam keadaan cenderung kepada kebaikan dan keimanan. (Surah ar-Rum 30:30). Kepentingan pendidikan keimanan juga boleh difahami daripada hadis dari Abu Hurairah, beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W:

“Sesungguhnya Allah tidak memperhatikan bentuk dan rupa kalian, tetapi Ia (Allah) memperhatikan hati”. (Hadis riwayat Muslim)

4.4 Bermanhaj Rabbani

Pendidikan yang menggunakan manhaj Rabbani, iaitu pendidikan yang menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan dan sumber utama untuk menentukan kurikulum, kaedah dan pendekatan pengasuhan dan pendidikan. Sebagaimana firman Allah dari Surah al-Nahl; 89. Pendidikan ini menghubungkan insan dengan penciptanya, menjadikan mereka terbimbing untuk melaksanakan ibadah dengan penuh keikhlasan, membentuk jiwa yang harmoni dengan matlamat yang jelas. Dalam menjelaskan pendidikan Rabbani, Abdullah (2014) menyatakan bahawa selain daripada membimbing keimanan kepada Allah SWT. Pendidikan bermanhaj Rabbani juga membina kanak-kanak dengan memahami syariat Islam serta membantu perkembangan mereka melalui pembentukan akhlak mulia dan sahsiah terpuji. Pendidikan ini juga mengajar kanak-kanak untuk

mempunyai kemahiran yang diperlukan di dalam kehidupan berdasarkan keperluan dan situasi semasa supaya mereka mampu menjalani kehidupan dengan baik dan sejahtera. Juga membimbing perkembangan mereka secara individual dan menjadi ahli masyarakat yang berdikari dan harmoni.

4.5 Bermatlamatkan Mardhatillah

Pelbagai matlamat pendidikan yang telah digariskan oleh para sarjana dan ahli falsafah pendidikan, termasuklah pendidikan kanak-kanak berdasarkan aliran pemikiran masing-masing. Antaranya untuk melahirkan insan kamil, membentuk anak watan yang baik, membina kanak-kanak yang berperanan dalam masyarakat, membina peribadi dan personaliti insan, membina sahsiah individu, melahirkan modal insan dan juga fokus kepada pendidikan intelektual, fizikal dan keagamaan. Justeru Islam menekankan pengasuhan dan pendidikan yang bertujuan pembinaan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran individu dalam rangka menghasilkan insan soleh yang mampu melaksanakan tugas dan peranan terhadap agama, diri dan masyarakat. Bagi memenuhi keperluan ini, pendidikan mestilah bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah, matlamat pembinaan individu dan ummah adalah berdasarkan risalah Islam, dengan manhaj dan pendekatan yang membawa kepada pencapaian meraih reda Allah SWT (Yalchin, 2003).

Dalam konteks ini Muhammad Syukri (2013) menyatakan bahawa para ulama' telah membincangkan tentang kepentingan mendapat keredaan Allah dan cara mencapai keredaan-Nya dengan melaksanakan perintah serta menjauhi segala larangan-Nya dengan bersandarkan ayat-ayat al-Quran. Antaranya ialah ayat daripada surah al-Nisa' yang bermaksud:

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat makruf, atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barang siapa yang berbuat demikian karena mencari keredaan Allah, maka kelak Kami memberi kepadanya pahala yang besar”. (Surah al-Nisa' 4:114)

4.6 Ibu bapa Soleh

Pendidikan hendaklah dilaksanakan oleh pengasuh, pendidik atau penjaga yang bermodelkan kedua ibu bapa, kerana selayaknya merekalah yang menjadi sumber kepada perkembangan sihat kanak-kanak dari segala aspek sebagai persediaan menghadapi kehidupan dan mengecapi kejayaan (Jabbar S. , 1997). Dalam membincangkan kepentingan peranan ibu bapa, (Al-Ghazali., 2018) menjelaskan bahawa:

“Ibu bapa bertanggungjawab mendidik anaknya dengan baik. Di tangan merekalah anak yang nuraninya yang masih bersih itu diserahkan. Hatinya umpama kaca yang siap memantulkan bayangan apa sahaja yang diletakkan di hadapannya, dan meniru apa sahaja yang dilihatnya. Mereka boleh menjadi warga negara yang baik apabila dididik dengan baik, dan sebaliknya boleh membahayakan orang lain apabila dididik dengan buruk. Justeru menjadi tanggung jawab kedua ibu bapa untuk mendidik anak-anak, kerana ibu bapa turut menanggung kebahagiaan atau penderitaan hasil daripada perbuatan anaknya”.

Perlaksanaan tanggungjawab untuk mengasuh, mendidik dan membangunkan insaniah kanak-kanak sepatutnya dilakukan sepenuhnya oleh kedua ibu bapa, namun tugas tersebut boleh dilakukan oleh pengasuh, penjaga atau pendidik kanak-kanak tersebut. Dalam usaha menjalankan tanggungjawab tersebut para ibu bapa, pengasuh, penjaga dan pendidik mestilah mempunyai beberapa perkara seperti; ilmu pengetahuan, pemahaman, kemahiran, nilai, sikap dan minat yang positif dan bersesuaian dengan keperluan umur, bakat dan kemampuan kanak-kanak (Uhbiyati, 2013).

4.7 Persekitaran Sejahtera

Persekitaran kehidupan kanak-kanak juga merupakan faktor utama mempengaruhi perkembangan insaniah mereka. Persekitaran memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak sama ada dalam bentuk maknawi seperti pegangan, kepercayaan, ilmu pengetahuan, kebudayaan, peraturan, adab dan akhlak atau dalam bentuk kebendaan seperti penggunaan peralatan dan sebagainya.

Berkaitan konsep pendidikan dan pengaruh persekitaran, Ibnu Khaldun (t.t) menjelaskan bahawa faktor persekitaran berpadu dengan fitrah, terhasillah perkembangan berbentuk tingkah laku yang berkaitan antara persekitaran dengan fitrah. Bagi Ibn Khaldun, kebudayaan (*al-thaqafat*) adalah suatu aspek kemanusiaan yang terbentuk melalui kebersamaan sesuatu komuniti dan penciptaan budaya manusia untuk meningkatkan suasana kehidupan yang bersesuaian dengan persekitarannya. Pendidikan dapat membangun pencapaian tahap kehidupan yang lebih baik dengan kebudayaan dan ketamadunan yang lebih maju. Pemahaman ini berdasarkan pada pendapat beliau, bahawa manusia mempunyai potensi (fitrah kemampuan) yang boleh berkembang dan dibangunkan melalui pendidikan (*taalim*) dan latihan (*al-riyadat*) yang bersesuaian dengan tahap perkembangan akal dan jasmaninya sehinggalah menyerlahkan kemampuan berfikir melalui proses membuat perbandingan atau perbezaan (*tamyiz*).

Sebagaimana pengaruh persekitaran yang boleh membentuk pegangan, pemikiran dan kedudukan difahami daripada ayat 42-43 Surah al-Naml yang bermaksud:

“Dan ketika Balqis datang, ditanyakanlah kepadanya: "Serupa inikah singgahsanamu?" Dia menjawab: "Seakan-akan singgahsana ini singgahsanaku, kami telah diberi pengetahuan sebelumnya dan kami adalah orang-orang yang berserah diri. Dan apa yang disembahnya selama ini selain Allah, mencegahnya (untuk melahirkan keislamannya), karena sesungguhnya dia dahulunya termasuk orang-orang yang kafir.” (al-Naml 27;42-43)

Ratu Balqis tidak beriman dengan Allah kerana terpengaruh oleh persekitaran kehidupannya yang menyembah matahari dan mewarisi kekuasaan keluarganya. Beliau tidak mampu mengubah kepercayaannya kerana dibesarkan di dalam persekitaran sedia ada sehinggalah beliau dibawa bertemu dengan Nabi Sulaiman AS (Al-Zuhayli, 1998). Persekitaran kehidupan kanak-kanak adalah tempat di mana mereka membesar dan berkembang, termasuklah keluarga, masyarakat dan pusat asuhan atau pusat pendidikan mereka.

5. Kesimpulan

Pembangunan insaniah merupakan aspek penting dalam proses pendidikan dan perkembangan kanak-kanak. Pemahaman terhadap fungsi kehidupan mereka sangat memberi kesan kepada seluruh aspek perkembangan diri mereka. Proses pembangunan insaniah sewajanya dilaksanakan secara komprehensif di antara kedua-dua elemen kewujudan manusia, iaitu elemen spiritual dan elemen fizikal. Pembinaan elemen spiritual dengan berteraskan tauhid kepada Allah SWT adalah sebagai usaha membina kefahaman dan pelaksanaan tanggungjawab untuk kehidupan akhirat. Manakala pembinaan elemen fizikal adalah lambang kepada usaha untuk memenuhi keperluan kehidupan di dunia dan mendapatkan kebaikan. Pembentukan yang baik kedua-dua elemen ini juga melahirkan kanak-kanak yang membesar dan membangun sebagai insan soleh yang sejahtera, mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab hamba dan khalifah mengikut acuan yang diredai Allah SWT. Usaha pembangunan insaniah ini sewajarnya. Untuk mencapai matlamat sebenar pendidikan dan perkembangan kanak-kanak secara komprehensif, kurikulum dengan pendekatan sedia ada boleh dikemaskini dengan prinsip-prinsip pembangunan insaniah.

Rujukan

- Abbas, M. a.-A. (2016). *Kitab al-Insan fil Quran*. Riyadh: Reading Way.
- Abdullah, A. (2014). *Al-Tarbiah al-Islamiah; Mafhumuha, Khasaisuha, Masodiruha, Usuluha, Tatbiqatuha, Murabbuha*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Abu Hatob, F. (2003). *Numuwul Insan Min Marhalat al-Janin ila Marhalat al-Musimmin*. Jordan: Maktabah al-Anglo al-Misriyah.
- Al-Ajami, M. (2014). *Tarbiyah al-Tifli fil Islam: Al-Nazoriyah wal Tatbiq*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Al-Bukhari. (t.t). *Sahih Al-Bukhari, juzuk 2, Kitab 32 No144*.
- Al-Ghazali., A. H. (2018). *Ayyuhal Walad (terjemahan)*. Banjar: Khazanah al-Banjari.
- Alkire, S. (2010). *Human Development: Definitions, Critiques, and Related Concepts*. United Kingdom: University Oxford.
- al-Maraghi, A. M. (1984). *Tafsir al-Maraghi*. Beirut: Dar al-Turas al-Adabi.
- al-Zuhayli, W. (1998). *Tafsir al-Munir fil Aqidah, wal Syariah wal Manhaji*. Syria: Darul Fikr.
- Awatif, S & et.al. (4 April, 2012). *Scribd.com*. Retrieved from Scribd: <https://www.scribd.com/doc/87900885/Halatuju-Pendidikan-Awal-Knk2>
- Badiwi, Y. & Muhammad, M. (2003). *Tarbiah al-Atfal fi Dhou'il Kitab wal Sunnah*. Damsyik: Darul Maktabi.
- Crow, A. & Crow, L.D. (1983). *Education Psychology For Teacher*. Kuala Lumpur: Mc Millan.
- Dewan, K. (1998). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hunt, J. (2006). *Intelligence and Experience; A Psychology Series (1961)*. New York: Ronald Press Company.
- Ibnu Khaldun, W. a.-D. (t.t). *Kitab al-Ibar wa Diwan Muftada' wal Khabar fi Ayyam al-Arab wal 'Ajam wal Barbar wa Man Atharuhum min Zawi al-Sultan al-Akbar*. Beirut: Dar Ahya' al-Turas al-Arabi.
- Jabbar, S. (1997). *Al-Tiflu fil Syariah al-Islamiah wa Manhaj al-Tarbiah al-Nabawiyah*. Sidon: Maktabah al-Asriah.
- Khalid, M. M. (2006). *Al-Tarbiyah al-Islamiah lil Aulad (Manhaj wa Mayadin)*. Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Langgulang., H. (1995). *Pendidikan Islam dan Perubahan Paradigma*. Jakarta: HIZBI.
- Laura, E. B. (2015). *Child Development*. Australia: Pearson.
- Locke, J. (2018). *An Essay Concerning Human Understanding (1689)*. Stanford: Encyclopedia of Philosophy.
- Mello, D.F., Henrique, Panceiri, L., Verrisimo, M., Tonete, V & Malone, M. (2014). Childs Safety from The Perspective of Essential Needs. *Rev Latino-Am*, 604-610.
- Muhammad Syukri, S. (2013). *Politik Pembangunan Islam; Pemikiran dan Implementasi*. Sumatera Utara: Perdana Publishing.
- Mustard, J. (2009). Early Human Development-Equity From the Start. *Latin America Rev.*, 639-680.
- Noordin, T. (2009). Pembangunan Insan Dari Perspektif Pendidikan. *Pasca Sidang Pendidikan Islam I-V* (pp. 1-10). Kajang: Kolej Darul Hikmah.
- PERMATA, B. P.-K. (2013). *Kurikulum PERMATA Negara*. Cyberjaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Qutb, S. (2004). *Manhaj al-Tarbiah al-Islamiah*. Kaherah: Darul Syuruq.
- Qutb, S. (2013). *Tafsir fi Zilal al-Quran (1965)*. Kaherah: Darul Syuruq.
- Rohana, H. (2010). *Mengenali Manusia Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Rosalyn, H. Shute & Philip T. Slee. (2015). *Child Development: Theories and Critical Perspectives*. London: Taylor & Francis Ltd.

Prinsip-Prinsip Pembangunan Insaniah dalam Perkembangan dan Pendidikan Kanak-Kanak

- Shonkoff, J.P., & et.al. (2007). *The Sciences of Early Childhood Development: Closing The Gap What We Know And What We Do*. Harvard: Harvard University; Center of The Developing Country.
- Sulaiman S, T. (1997). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Uhbiyati, N. (2013). *Dasar-Dasar Ilmu Pendidikan Islam*. Semarang: Pustaka Rizki Putra.
- Yalchin, M. (2003). *Ahdaf al-Tarbiah al-Islamiah wa Ghoyatuha*. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.